



22

JANUARI

2018

Bina parkir kereta tanpa kelulusan

MBJB kesan kerja melapangkan tanah kerajaan secara haram

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengesan satu projek melapangkan tanah kerajaan secara haram di dua lot tanah berbeza berhampiran Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar, di sini.

Ahli Majlis MBJB, Kuan Poh Huat berkata, dua lokasi yang masing-masingnya mempunyai keluasan hampir satu ekar itu terletak di Jalan Lumba Kuda dan Jalan Ah Siang dipercayai sedang dikosongkan sejak empat hari lalu untuk dijadikan kawasan tempat letak kereta berbayar.

Menurutnya, siasatan yang dilakukan mendapati tindakan melapangkan kawasan itu tidak didaftarkan serta mempunyai permit sementara yang sah daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Semakan yang kami lakukan mendapati Jalan Lumba Kuda ini adalah milik kerajaan (federal land) sementara Jalan Ah Siang pula masih belum dikenal pasti.

"Kami juga sedang mengesan kontraktor yang bertanggungjawab menguruskan projek ini selain menghantar notis kompaun atas kesalahan terbabit," katanya ketika ditemui pemberita semasa lawatan kerjanya di Jalan Lumba Kuda, di sini, kelmarin.

Poh Huat berkata, pihaknya mengeluarkan arahan



Poh Huat menunjukkan kesan pokok tumbang yang berlaku di tapak projek berkenaan.

INFO

● 2 lokasi dikesan di Jalan Lumba Kuda dan Jalan Ah Siang

pemberhentian sebarang kerja di lokasi itu sementara ia kini diambil alih Jabatan Landskap, Kontraktor dan Kejuruteraan MBJB untuk tindakan lanjut.

Difahamkan, kegiatan melapangkan tanah secara haram di kawasan berkenaan terbongkar selepas berlakunya insiden pokok tumbang yang menimpa sebuah

rumah dan beberapa kereta di kawasan berhampiran, kelmarin.

Kejadian itu turut menimbulkan curiga dalam kalangan penduduk setempat ditambah pula dengan kehadiran beberapa mesin dan jentera berat untuk tujuan melapangkan tanah dipercayai sejak sebulan lalu.

"MBJB juga akan mengeluarkan kompaun untuk diserahkan kepada pihak yang bertanggungjawab atas projek terbabit sementara kerja-kerja pembersihan akibat pokok tumbang itu akan dilaksanakan pihak kami," katanya.